



LAMPIRAN PENYATAAN PRODUK untuk Jaminan Insurans bagi Polisi Skim Pampasan Pekerja Asing (FWCS)

NOTA PENTING: Sila baca Lampiran Penyataan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Jaminan Insurans untuk Polisi FWCS ini. Pastikan anda juga membaca dengan terperinci terma-terma dan syarat-syarat amnya.

1. Apakah perincian produk ini?

Untuk seseorang pekerja asing memohon permit pekerjaan, Jabatan Imigresen memerlukan sebuah Jaminan Insurans sebagai cagarang daripada majikan.

Di AmG, kami menyediakan Jaminan Insurans untuk Pekerja Asing hanya jika anda mengambil polisi FWCS bersama kami.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Polisi ini dianggap sebagai Jaminan kepada Jabatan Imigresen untuk melindungi kos penghantaran pulang jika pihak berkuasa perlu menghantar pulang pekerja tersebut ke negara asal mereka ketika mereka berada di Malaysia.

Kedadaan-keadaan berikut mungkin timbul yang menyebabkan Jabatan Imigresen meminta Jaminan Insurans tersebut

- Pekerja Asing terlibat dalam aktiviti-aktiviti jenayah
- Majikan tidak berupaya untuk menghantar pekerja pulang. Contohnya, syarikat yang mengalami masalah kewangan

Tempoh perlindungan untuk Jaminan Insurans adalah sama seperti permit pekerjaan iaitu 12, 18 atau 26 bulan.

3. Berapakah jumlah premium yang harus saya bayar?

Jabatan Imigresen telah menentukan nilai diinsuranskan berdasarkan kewarganegaraan pekerja asing tersebut. Anda boleh mendapatkan senarai nilai-nilai diinsuranskan daripada Jabatan Imigresen.

4. Apakah jumlah yuran dan caj-caj yang perlu saya bayar?

- Duti Setem RM10.00 untuk mengesahkan kontrak
- Komisen ejen sehingga maksimum 10% adalah termasuk di dalam polisi anda apabila melibatkan seorang pengantara

5. Apakah terma dan syarat-syarat utama yang harus saya ketahui?

Kepentingan membuat Pendedahan

- Anda perlu mendedahkan kesemua fakta material yang anda ketahui atau perlu ketahui; atau polisi anda boleh menjadi tidak sah.

6. Bolehkah saya membatalkan Jaminan Insurans ini?

Tidak, jika anda telah menghantar Jaminan Insurans kepada Jabatan Imigresen.

7. Apakah yang perlu saya lakukan jika berlaku perubahan kepada maklumat terperinci saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami sebarang perubahan kepada maklumat terperinci anda bagi memastikan yang kesemua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada waktunya.

8. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?

Jika anda memerlukan maklumat tambahan mengenai Jaminan Insurans, sila hubungi kami di.

AmG Insurance Berhad
Tingkat 9, Bangunan AmAssurance,
No.1 Jalan Lumut, 50400 Kuala Lumpur, Malaysia

Pusat Perkhidmatan Pelanggan
Tingkat Bawah, Bangunan AmAssurance
No.1 Jalan Lumut, 50400 Kuala Lumpur.
Tel: 1 300 80 3030 Faks: (603) 21713030
E-Mel: amassurance-general@ambankgroup.com
Laman web: <https://www.amassurance.com.my>

9. Jenis-jenis Perlindungan Insurans Serupa yang lain yang boleh didapati

- Tiada. Walau bagaimana pun, anda mungkin mahu rujuk kepada Skim Insurans Pampasan Pekerja Asing.

NOTA PENTING:

ANDA HARUS BERPUAS HATI YANG POLISI INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA SEBAIK MUNGKIN. ANDA SEPATUTNYA MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ANDA ATAU MENGHUBUNGI TERUS SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.